

**SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS, UJIAN KELAYAKAN UNTUK
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J29 DARI
SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK PERANCANG BANDAR DAN DESA
GRED J17 DAN GRED J22**

1. Tarikh Kuat Kuasa Skim : 1 Januari 1992
2. Tarikh Sukatan Peperiksaan Diluluskan Oleh JPA : 16 Januari 1996
3. Tarikh Penyemakan Semula : 26 April 2006
4. Matlamat Sukatan :
 - i. Bagi mengukur kesesuaian seseorang Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan Gred J22 dari segi pontensinya untuk dilantik ke jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, Skim Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).
 - ii. Bagi menguji kemahiran Juruteknik Perancang Bandar dan Desa berdasarkan kepada pengalamannya di dalam menjalankan tugas-tugas rasmi.
5. Tujuan Peperiksaan : Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J29 melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).
6. Pegawai Yang Layak Mengambil Peperiksaan Ini : Juruteknik Perancang Bandar dan Desa, Gred J17 dan Gred J22 yang telah disahkan dalam perkhidmatan.
7. Sukatan Peperiksaan : (termasuk masa dan soalan)

BAHAGIAN I : LAPORAN KAJIAN

- i. Lembaga Peperiksaan Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa akan memberi tajuk-tajuk kajian projek kepada calon-calon yang layak menduduki peperiksaan ini. Sektor-sektor kajian adalah seperti berikut :
 - a. Perumahan
 - b. Perniagaan / Perdagangan
 - c. Perindustrian
 - d. Pelancongan
 - e. Pengangkutan dan sistem perhubungan
 - f. Kemudahan awam
 - g. Penduduk
 - h. Landskap (pengindahan) dan rekreasi
 - i. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan / Kawasan warisan sejarah
 - j. Guna tanah dan strategi pembangunan
 - k. Reka bentuk bandar
 - l. Alam sekitar
 - ii. Berdasarkan tajuk kajian projek tersebut, calon-calon dikehendaki mengendali dan menyediakan satu kajian kes secara kaji selidik.
 - iii. Kertas laporan kajian perlulah diserahkan oleh calon-calon kepada Ketua Pengawas Peperiksaan pada hari pertama Peperiksaan Khas diadakan.
 - iv. Calon-calon dikehendaki membuat persembahan laporan kajian kepada ahli-ahli panel yang akan dilantik oleh Lembaga Peperiksaan Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa bagi menentukan kemantapan kajian dan 'Keaslian' projek yang dihasilkan.
 - v. Proses penilaian projek perlu melalui dua (2) peringkat berikut :
 - a. Pemilihan tajuk, sinopsis dan skop metodologi.
 - b. Penyerahan laporan dan persembahan.
- Soalan : Tiga (3) tajuk kajian projek akan disediakan dan calon-calon hanya perlu memilih satu (1) tajuk sahaja untuk penyediaan Laporan Kajian.

Masa : Dua (2) bulan sebelum tarikh Peperiksaan Khas.

BAHAGIAN II : TEORI DAN KAEDAH PERANCANGAN

Mengandungi tiga (3) seksyen, calon dikehendaki lulus kesemua seksyen dalam sesi peperiksaan yang sama.

Seksyen I : Prinsip-Prinsip Perancangan Bandar dan Desa

i. Kajian Tapak

- a. Kepentingan kajian tapak
- b. Keadaan / ciri-ciri fizikal tapak
- c. Proses kajian tapak
- d. Piawaian perancangan tapak

ii. Kajian Penduduk

- a. Kajian demografi
- b. Kajian sosio-ekonomi
- c. Kepadatan penduduk
- d. Penyertaan awam

iii. Sistem Lalulintas (Circulation system)

- a. Hierarki jalan raya
- b. Sistem pejalan kaki
- c. Pengurusan lalulintas

vi. Perancangan Guna Tanah

- a. Kesesuaian guna tanah
- b. Pertalian aktiviti guna tanah
- c. Kesediaan guna tanah
- d. Teknik analisis guna tanah
- e. Potensi guna tanah
- f. Pembangunan mampan

vi. **Teknik-Teknik Perancangan**

- a. Demografi / Penduduk
- b. Pengangkutan
- c. Masyarakat
- d. Ekonomi
- e. Membuat keputusan (desicion making)
- f. Sosial
- g. Guna tanah
- h. Alam sekitar

vii. **Alam Sekitar**

- a. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
- b. 'Sustainability Assessment' (SA), 'Environmental Impact Assessment' (EIA), 'Strategic Environmental Assessment' (SEA)
- c. Pembangunan mampan

Soalan : 6 jawab 4 (Esei)

Masa : 2 jam

Seksyen II : SET REKA BENTUK

- i. Calon-calun dikehendaki menyediakan pelan susun atur sebuah tapak yang dipilih untuk pembangunan. Pelan tersebut perlu disediakan untuk memenuhi keperluan-keperluan yang ditentukan dan mengikut piawaian perancangan semasa.
- ii. Calon-calun juga perlu menyediakan pelan konsep bagi pelan yang dicadangkan bersama satu laporan ringkas untuk menerangkan pelan konsep yang dipilih, segala pengiraan yang dilakukan serta anggaran-anggaran keluasan, jumlah penduduk dan sebagainya yang diperolehi hasil dari cadangan-cadangan yang dilakukan.

Pecahan pemarkahan adalah seperti berikut :

Reka bentuk : 70%

Laporan : 30%

Soalan : Satu (1)

Masa : 5 Jam

Seksyen III : GARIS PANDUAN, PIAWAIAN, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA DAN UNDANG - UNDANG YANG BERKAITAN

i. Dasar Pentadbiran

Kefahaman am aspek organisasi dan pentadbiran yang berkaitan dengan aktiviti perancangan bandar dan desa di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan khususnya yang diperuntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta peraturan-peraturan yang berkaitan.

ii. Rancangan Pemajuan

Kefahaman am berkenaan konsep dan pengertian Rancangan Pemajuan sepertimana yang diperuntukan dalam Akta 172 serta proses dan prosedur penyediaannya.

iii. Kawalan Perancangan

Kefahaman am aspek perundangan yang terdapat dalam aktiviti kawalan guna tanah, proses dan prosedur untuk mendapatkan kebenaran merancang bagi menjalankan aktiviti perancangan, penguatkuasaan di bawah Akta 172.

iv. Undang-Undang Guna Tanah Lain Yang Berkaitan :

Kefahaman am mengenai falsafah, objektif dan garis kasar undang-undang yang berkaitan dengan guna tanah seperti ;

- a. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- b. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- c. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- d. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
- e. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- f. Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318)

v. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan

Kefahaman tentang konsep dan falsafah piawaian perancangan, jenis-jenis piawaian, kegunaannya dan faedah-faedah daripadanya.

Calon-calon dibenarkan merujuk kepada akta-akta tersebut semasa peperiksaan.

Soalan : 6 Jawab 4 (Esei)

Masa : 2 Jam

8. Pengecualian : Calon-calun yang lulus mana-mana bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil semula bahagian tersebut.
9. Keputusan : Lulus / Kandas
Calon dikehendaki lulus ketiga-tiga subjek dalam Bahagian II dalam sesi peperiksaan yang sama.
10. Pemeriksa Akan Dilantik Oleh : Lembaga Peperiksaan Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa
11. Bahasa (Soalan dan Jawapan) : Bahasa Malaysia
12. Permohonan Dikemukakan Kepada : Urusetia Peperiksaan Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa
13. Pusat Peperiksaan Akan Ditentukan Oleh : Urusetia Peperiksaan Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa
14. Kekerapan Peperiksaan : Sekali setahun
15. Tarikh Akhir Mengemukakan Permohonan : 2 ½ bulan sebelum tarikh Peperiksaan Khas

Bahan-Bahan Rujukan

- i. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) – Jilid I dan Jilid II
- ii. Perintah Am Bab "B" dan "G"
- iii. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005
- iv. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- v. Perintah-perintah am dan arahan pentadbiran
- vi. Arahan Keselamatan
- vii. Tonggak 12
- viii. Protokol dan Etiket Dalam Pengurusan dan Menghadiri Majlis (INTAN)
- ix. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
- x. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82)
- xi. Citra Karya (Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam)
- xii. Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam
- xiii. Dasar-dasar Pembangunan Negara
- xiv. Malaysia Kita
- xv. Pelan Integriti Nasional (PIN)
- xvi. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia
- xvii. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- xviii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- xix. Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538)
- xx. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- xxi. Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318)
- xxii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- xxiii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- xxiv. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
- xxv. Rancangan Fizikal Negara
- xxvi. Rancangan Struktur
- xxvii. Rancangan Tempatan
- xxviii. Rancangan Kawasan Khas
- xxix. Piawaian Perancangan Bandar dan Desa
- xxx. Garis Panduan Perancangan Bandar dan Desa

- xxxi. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat
- xxxii. Eksiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa
- xxxiii. Kertas kerja seminar Perancangan Bandar dan Desa
- xxxiv. Lain-lain penerbitan/majalah/buku/jurnal yang berkaitan